

Exco, ADUN mesti sedia ditegur – Raja Perlis

UM/040507/26/1/D/Perlis L9

KANGAR 3 Mei – Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menitahkan semua anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Perlis bersedia menerima teguran untuk membina diri mereka.

Titah baginda, sebagai manusia biasa, kebanyakan orang hanya pandai mengkritik dan mencari kelemahan orang lain tanpa mengetahui kelemahan diri sendiri, memerlukan pandangan individu lain untuk memperbaiki diri masing-masing.

Baginda bertitah demikian pada majlis angkat sumpah tujuh Exco di Istana Arau di sini.

Turut berangkat ialah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Fai-zuddin Putra Jamalullail dan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Majlis petang ini menyaksikan pelantikan ADUN Kawasan Simpang Empat, Zahari Bakar, 52, sebagai muka baru bersama-sama enam Exco yang dilantik se-

mula iaitu Datuk Abu Bakar Ismail (ADUN Pauh), Ooi Ah Lan (Indera Kayangan), Azihani Datuk Ali (Sena), Azam Rashid (Kayang), Khairi Hassan (Mata Ayer) dan Bakar Saad (Kuala Perlis).

Sebagai manusia biasa, kebanyakan orang hanya pandai mengkritik dan mencari kelemahan orang lain tanpa mengetahui kelemahan diri sendiri, memerlukan pandangan individu lain untuk memperbaiki diri masing-masing

mula iaitu Datuk Abu Bakar Ismail (ADUN Pauh), Ooi Ah Lan (Indera Kayangan), Azihani Datuk Ali (Sena), Azam Rashid (Kayang), Khairi Hassan (Mata Ayer) dan Bakar Saad (Kuala Perlis).

Raja Perlis menitahkan setiap Exco dan wakil rakyat supaya sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan lebih sempurna kepada rakyat.

“Saya membuat teguran ini secara ikhlas kerana jika saya tidak menegur, bermakna saya tidak menjalankan tanggungjawab sebagai raja pemerintah negeri ini,” titah baginda.

Baginda khuatir matlamat Wa-

wasap 2020, yang hanya tinggal 13 tahun sahaja lagi, sukar dicapai jika ada pihak yang mengabaikan tanggungjawab mereka manakala wang yang dibelanjakan bagi tujuan tersebut menjadi sia-sia.

Exco serta wakil rakyat turut diingatkan supaya sentiasa menjaga nama baik dan menunjukkan keperibadian yang tinggi kerana segala perbuatan dan gerak-geri mereka akan menjadi perhatian rakyat.

“Saya membuat teguran ini secara ikhlas kerana jika saya tidak menegur, bermakna saya tidak menjalankan tanggungjawab sebagai raja pemerintah negeri ini,” titah baginda.

Sementara itu, Shahidan ber-

kata, beliau akan mengumumkan portfolio yang akan diberikan kepada setiap Exco yang dilantik esok.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, beliau membangunkan kebanyakannya akan dikalkulkan dengan portfolio yang sama dengan kemungkinan sebaliknya mereka akan menerima tambahan beberapa tugas baru.

Sementara itu, Zahari, 52, yang sebelum ini ialah Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri dan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri serta menjadi ADUN kawasan Simpang Empat selama dua penggal sejak tahun 1999 berkata, beliau menerima apa sahaja portfolio yang bakal diberikan kepadanya.



TUANKU SYED SIRAJUDDIN SYED PUTRA JAMALULLAIL
Raja Perlis

TUANKU SYED SIRAJUDDIN

“Saya akan berusaha membantu Menteri Besar dan berjanji akan memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat Perlis,” katanya.

– Bernama